

21 OCT 2000

Law-sungai

BEBERAPA SUNGAI AKAN DIPULIHKAN DI BAWAH RMK8

SHAH ALAM, 21 Okt (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan melaksanakan program khusus untuk memulihkan sungai yang dikenal pasti penting untuk bekalan air.

Menterinya Datuk Law Hieng Ding berkata program itu akan dilaksanakan ke seluruh negara di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8).

"Program itu akan memberi tumpuan untuk memulihkan sungai yang penting kepada manusia untuk membekalkan sumber air minuman," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perayaan Minggu Alam Sekitar peringkat kebangsaan di sini hari ini.

Beliau mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pada awalnya dijadualkan untuk merasmikan program itu, bagaimanapun Law membacakan ucapanya sendiri.

Turut hadir ialah Menteri Besar Selangor Datuk Mohd Khir Toyo, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Zainal Dahalan dan Exco-exco yang bertanggungjawab dengan alam sekitar.

Law berkata sekurang-kurangnya satu sungai dari setiap negeri akan dipulihkan dan kerajaan negeri telah diminta untuk mengemukakan nama sungai yang sesuai kepada kementerian.

Law berkata dari 120 sungai utama yang terdapat di negara ini, satu pertiga daripadanya amat tercemar, manakala yang lain dikategorikan sebagai sederhana tercemar dan tidak tercemar.

Law berkata antara kegiatan yang menyumbang kepada pencemaran sungai ialah kegiatan industri, pembersihan hutan, kegiatan ternakan dan penempatan setinggan di tebing sungai.

Sementara itu, Mohd khir berkata kerajaan negeri Selangor dalam proses menyediakan cetak biru, yang akan digunakan sebagai panduan dalam pengurusan alam sekitar di negeri itu.

-- BERNAMA

KM RI